

# **HIBAH DAN WASIAT SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA ISLAM**

**ROHAIZA HAMZAH**

## **1. PENDAHULUAN**

Hibah dan wasiat merupakan dua instrumen yang penting bagi perancangan harta Islam. Hibah adalah pemberian harta yang berlaku semasa pemberi hibah masih hidup, manakala wasiat adalah pemberian harta yang berlaku selepas kematian pewasiat. Kedua-dua instrumen ini amat digalakkan kepada umat Islam bagi memudahkan pengurusan harta dan juga bagi mengelakkan isu pertikaian harta di antara keluarga, saudara dan/atau pewaris kelak. Sehubungan itu, melalui kertas kajian ini, penekanan akan diberikan kepada konsep dan pelaksanaan hibah dan wasiat menurut perspektif hukum Islam.

### **A. KONSEP HIBAH DALAM ISLAM**

#### **2. DEFINISI HIBAH**

##### **2.1 Definisi Hibah dari Segi Bahasa**

Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian, sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Ia merangkumi hadiah dan sedekah. Ketiga-tiga istilah ini mempunyai makna yang hampir sama. Perbezaannya adalah dari aspek tujuan pemberian itu; di mana sedekah ialah suatu pemberian yang bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan ia biasanya daripada yang kaya kepada yang miskin; manakala hadiah pula ialah pemberian untuk memuliakan seseorang dan biasanya ia ada hubung kait dengan sesuatu perkara. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa setiap sedekah dan hadiah ialah hibah, tetapi bukan semua hibah ialah sedekah dan hadiah.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Mohd Zamro Muda, Instrumen Hibah: Analisis Hukum Dan Aplikasi di Malaysia

Manakala dalam Bahasa Inggeris, istilah yang digunakan untuk memberi maksud hibah ialah *gift*, *present*, *donation*, *grant*, *bounty*, dan *endowment*(al-Ba'albakri, 1994:1201; Ilyas Antuni Ilyas, t.t:817). Walaubagaimanapun, masih terdapat perbezaan antara kesemua istilah dalam Bahasa Inggeris tersebut dengan istilah hibah. Contohnya, gift yang digunakan secara meluas untuk menterjemahkan perkataan hibah dalam undang-undang Islam ke dalam Bahasa Inggeris hanya merujuk kepada pemberian harta tak alih(aqar) dalam undang-undang Inggeris (Harith Suleiman Faruqi. 1962:644). Istilah *gift* adalah lebih umum berbanding hibah kerana istilah ini merangkumi semua jenis pemberian milik tanpa balasan yang antara lainnya termasuklah hibah, hadiah, atiyyah, tabarru' dan nihlah (Harith Suleiman Faruqi, 1962:644; N.S.Donich, ed.,1982:158). Istilah hibah pula skopnya lebih sempit dan mempunyai satu konsep undang-undang yang khusus. Asaf A.A.Fyzee (1974:217-218) dalam konteks ini menyimpulkan, “*The term gift is generic and applied to a large group of transfers. The word hiba, however, is a narrow and well-defined legal concept*”.<sup>2</sup>

## 2.2 Definisi Hibah dari Segi Istilah Syarak

Hibah pada istilah syarak ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan („*iwad*). Secara lebih khusus lagi, hibah ialah suatu akad pemberian milik ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan („*iwad*) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul atau seumpamanya.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> Nasrul Hisyam Nor Muhamad,2011, Hibah dalam Undang-Undang Islam: Prinsip & Amalan

<sup>3</sup> Mohd Zamro Muda, Instrumen Hibah: Analisis Hukum Dan Aplikasi di Malaysia

Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan ciri-ciri hibah adalah seperti berikut:

- i. Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.
- ii. Harta yang boleh dihibah ialah ain harta, bukannya hutang atau manfaat.
- iii. Akad hibah dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan („iwad).
- iv. Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup pemberi hibah.
- v. Ia dibuat secara sukarela tanpa paksaan.
- vi. Akad dibuat bukan bertujuan untuk mendapat pahala atau memuliakan seseorang tertentu.<sup>4</sup>

### **3. ASAS PENSYARIATAN HIBAH**

Hibah adalah satu amalan yang digalakkan dalam agama Islam. Hukum memberi hibah dalam segala bentuknya, yang merangkumi hadiah dan sedekah adalah sunat berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah dan ijmak (Shams al-Din Ahmad bin Qudir, 2003; al-'Ayni, 1980; Ibn al-Mundhir, 1999). Banyak ayat al-Quran yang menerangkan mengenai kedudukan melakukan hibah di sisi Islam, antaranya firman Allah S.W.T. :

*Terjemahan: ... kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya. (Surah al-Nisa', 4: 4)*

Menurut pandangan jumhur fukaha, ayat tersebut menjadi dalil bahawa pemberian yang dilakukan oleh seorang isteri daripada maharnya kepada suaminya adalah harus. Dengan demikian, keharusan mengambil pemberian isteri menerusi

---

<sup>4</sup> Ibid.

hibah merupakan dalil kepada keharusan hibah (al-Qurtubi, 2002; al-Qinuji, 1992; al-Jassas, 1992). Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman:

*Terjemahan: ... dan menderma seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya ... (Surah al-Baqarah, 2: 177)*

Dalam ayat di atas Allah S.W.T. menerangkan mengenai perkara-perkara yang dikira sebagai kebajikan (al-birr), antaranya ialah membelanjakan harta kepada jalan Allah. Menurut Ibn Kathir (1992), ayat ini bermaksud memberikan harta dalam keadaan kita bersifat kedekut dan kikir. Kata al-Qurtubi (2002), ayat ini adalah dalil yang jelas bagi mereka yang mengatakan bahawa dalam harta ada lagi hak yang wajib ditunaikan selain zakat. Menurut Ibn al-'Arabi (1996), perkataan al-it'a' (pemberian) dalam ayat ini membawa dua erti. Pertama, pemberian biasa yang kadangkala dihukumkan sebagai sunat, dan dalam keadaan tertentu hukumnya wajib; dan maksud yang kedua ialah penunaian zakat fardu. Dalam ayat lain, Allah S.W.T. menerangkan mengenai tatacara membala suatu pemberian:

*Terjemahan: Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama) ... (Surah al-Nisa', 4: 86).*

Terdapat ahli tafsir yang mengatakan bahawa perkataan al-tahiyyah dalam ayat di atas boleh diertikan dengan hibah yang dilakukan untuk mendapatkan ganjaran (al-Qurtubi, 2002). Mengikut pengertian ini, sesiapa yang diberikan suatu pemberian yang demikian boleh memilih sama ada membala dengan nilai yang sama ataupun membala dengan nilai yang melebihi pemberian tersebut. Bagi ulama' mazhab Hanafi pula, mereka berpendapat al-tahiyyah di sini bermaksud hadiah (Ibn al-'Arabi, 1996). Selain daripada itu, ayat-ayat umum yang menganjurkan kebaikan

(misalnya al-Ma'idah, 5: 2; al-Nahl, 16: 90) adalah juga menunjukkan galakan melakukan hibah. Hal ini demikian adalah kerana hibah adalah salah satu saluran untuk membuat kebajikan yang dianjurkan oleh Islam.

Kitab-kitab hadis pula banyak mencatatkan mengenai kelebihan melakukan hibah. Antaranya hadis daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (al-Bukhari, t.t.; al-Bayhaqi, t.t.. Menurut ulama hadis seperti al-Albani (1979); al-'Asqalani (1979) dan al-Zayli'i (t.t.), sanad hadis ini adalah hasan) yang bermaksud:

*“Saling berhadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling sayang-menayangi.”(Al-Bukhari)*

Hadir ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. menggalakkan kita supaya bertukar-tukar hadiah kerana amalan sedemikian boleh menguatkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang antara manusia. Galakan tersebut jelas menunjukkan kepada keharusan hibah (al-'Aqil, 1978). Dalam hadis lain yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (al-'Asqalani, Ibn Hajar, t.t.; al-Nawawi, 2003; al-Bayhaqi, t.t.; al-San'ani, 2005) yang bermaksud:

*“Wahai kaum muslimat! Janganlah kamu menganggap remeh pemberian seseorang jiran, walaupun hanya berupa kaki kambing.”(Al-Bayhaqi)*

Selain dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, galakan melakukan hibah juga telah diakui oleh ijmak (Ibn al-Mundhir, 1999) kerana ia termasuk dalam kategori kebajikan sebagaimana firman Allah S.W.T.:

*Terjemahan: ... dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan ... (Surah al-Ma'idah, 5: 2)*

Sebagaimana hukum memberi hibah, menerima hibah juga adalah sunat selagi barang yang diberi itu bukan benda yang haram atau dimaklumi status halalnya ('Ali Haydar, t.t.; Ibn 'Abidin, 1966). Hal ini kerana Rasulullah s.a.w. sendiri menerima hibah yang diberikan kepada baginda walaupun daripada orang yang bukan Islam. Baginda juga memerintahkan supaya orang Islam berbuat demikian (al-Shawkani, 1999). Antara hadis sahih yang menunjukkan keharusan menerima hibah adalah seperti berikut (al-'Asqalani, Ibn Hajar, t.t.) yang bermaksud: Daripada Abu Hurairah r.a., daripada Nabi s.a.w. telah bersabda,

*“Sekiranya aku dipanggil untuk makan peha kambing atau kakinya, pasti akan aku perkenankan, dan sekiranya aku diberi hadiah peha kambing atau kakinya, pasti aku menerimanya.”*

Dalam hadis sahih yang lain, sabda Baginda (al-'Asqalani, Ibn Hajar, t.t.) yang bermaksud: Daripada 'A'ishah r.ah. telah berkata,

*“Nabi s.a.w. menerima hadiah dan membalaunya.”*

Hibah sangat dituntut dilakukan terutama sekali kepada saudara-mara terdekat (al-aqrab) (al-Sarakhsy, 2001). Hal ini jelas daripada firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*Terjemahan: ... dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat ... (Surah al-Nisa', 4: 1)<sup>5</sup>*

#### **4. RUKUN-RUKUN HIBAH**

Sesuatu kontrak atau instrumen hibah/pemberian mestilah memenuhi rukun-rukun serta syarat-syarat (terhadap rukun tersebut) untuk menjamin kesahihannya. Seperti yang telah dinyatakan oleh al-Sharbini;

---

<sup>5</sup> Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 2011, Hibah dalam Undang-Undang Islam: Prinsip & Amalan

Rukun hibah itu ada tiga iaitu; pihak-pihak yang melakukan aqad hibah terdiri daripada pemberi hibah (wahib) dan penerima hibah (mawhub lahu), akad hibah menerusi ijab dan qabul, dan adanya barang yang dihibahkan itu (mawhub).

Perbezaan rukun ini mungkin berlaku bila fuqaha' yang lain membahagikannya kepada empat dengan memisahkan antara pemberi dan penerima. Di samping itu, perbezaan pendapat akan menjadi lebih ketara terutamanya di dalam perbahasan rukun-rukun yang telah dinyatakan tadi terutamanya frasa kontrak (sighah) atau lafaz pemberian dan penerimaan.

#### **4.1 Syarat Pemberi Hibah**

Seseorang pemberi (*donor*) mestilah seorang pemilik mutlak secara barang atau harta tersebut, berfikiran waras dan rasional, telah cukup umur (baligh), tidak dihalang atau ditegah dari menguruskan hartanya, seorang ahli tabarruc iaitulah berkemampuan untuk melakukan segala urusan pentadbiran harta, dan dilakukan secara sukarela tanpa sebarang paksaan. Justeru itu dapatlah difahamkan bahawa pemberian oleh seorang yang bukan pemilik mutlak sesuatu harta seperti tertakluk kepada hutang, atau seorang pemegang amanah, kanak-kanak, orang gila, kurang waras (*mentally retarded*), bodoh-bodo alang, nyanyuk, muflis atau tertipu dan terpaksa adalah suatu pemberian yang tidak sah. Syarat-syarat di dalam rukun ini hampir sama di antara kesemua mazhab.

#### **4.2 Syarat Penerima Hibah**

Sebenarnya tiada syarat khusus yang diberikan kepada penerima hibah (*donee*). Meskipun ada disyaratkan supaya seseorang itu berkeahlian untuk

menguruskan harta yang diterimanya, tetapi hal ini boleh dibatasi dengan perlantikan pemegang amanah dan sebagainya untuk menguruskan pentadbiran harta pemberian tersebut. Oleh kerana itu, penerima yang gila, cacat akal, kanak-kanak, berbeza ugama dan sebagainya tidak akan mencacatkan kontrak hibah tersebut.

#### **4.3 Syarat Lafaz (sighah) Ijab dan Qabul**

Lafaz ijab iaitu memberi hendaklah diungkapkan oleh pemberi dan qabul oleh penerima hibah tersebut.

Lafaz Ijab oleh pemberi boleh dilakukan secara jelas atau nyata, atau secara tidak langsung (kiasan). Secara jelas mungkin seperti terma “aku berikan barang ini kepadamu” dan secara kiasan atau tidak langsung seperti “aku telah menyerah hak milik kepadamu” atau “aku sedia jadikan barang ini untukmu”.

Lafaz qabul oleh penerima juga boleh secara yang sama iaitu secara jelas atau langsung dan secara tidak langsung. Secara jelas seperti lafaz “aku terima” atau “aku rela” dan sebagainya. Secara tidak langsung mungkin dengan melakukan perkaraperkara yang menunjukkan penerimaan seperti penukaran hakmilik, pembinaan bangunan, mengusahakan tanah dan sebagainya. Di samping itu, hibah boleh dianggap sempurna sekiranya harta yang diberi itu diterima di dalam majlis hibah, walaupun lafaz qabul tidak disebut selepas lafaz ijab. Perkara 841 Ahkam al-Adliyyah (terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tajuk Undang-Undang Sivil Islam) memperakui keadaan tersebut. Perkara 844 juga memperuntukan bahawa jika pemberi memberi keizinan secara terang untuk diterima, penerima boleh menerima harta itu diberi dalam majlis hibah dan boleh juga selepas daripada perpisahan. Perpindahan barang atau harta kepada penerima mestilah berlaku dengan segera dan tidak ditangguhkan untuk berkuatkuasa selepas kematian pemberi kerana ianya

akan bertentangan dengan takrifan yang telah diberikan dan juga tantamount kepada prinsip wasiat iaitulah “memberi milik kepada seseorang secara sukarela dilaksanakan selepas kematian orang yang memberi sama ada itu adalah benda atau manfaat”.

Persoalan samada sesuatu hibah itu boleh diletakkan sebarang syarat dan sebagainya di dalam kontrak ijab dan qabul akan dibincangkan selepas ini terutamanya di dalam syarat ‘umra dan ruqba.

Syarat Barang/Harta Pemberian. Barang atau harta pemberian tersebut mestilah wujud ketika kontrak hibah itu berlaku, halal, bernilai atau berharga, dimiliki oleh pemberi hibah samada perseorangan atau bersama (syarikat), boleh untuk diserahkan atau dipindahkan, dan apa juga yang boleh diperniagakan (jual beli) boleh menjadi subjek di dalam hibah. Penekanan terhadap syarat harta pemberian ini akan menjuruskan kepada suatu lagi syarat yang penting iaitu pemilikan harta pemberian tersebut. Perkara ini mengundang perselisihan pendapat di antara fuqaha’.

Harta yang dihibahkan itu dapat secara langsung dikuasai atau dimiliki (*alqabd*) oleh penerima. Sebahagian Mazhab Hanafi dan Hanbali menganggap ianya sebagai rukun. Sebahagian lagi termasuk Shafi’i menganggap bahawa ianya syarat yang amat penting di mana sesuatu pemberian itu tidak sah dan mengikat kecuali dengan penerimaan (penguasaan terhadap harta). Golongan Maliki hanya menganggap ianya sebagai syarat penyempurnaan kontrak hibah sahaja. Untuk mengukuhkan lagi perkara ini, Di dalam I ‘anah al-Talibin (al-Dimyati, Juz. 3 m.s. 245-247) dinyatakan bahawa;

*“Pemberian hibah dikira sah jika orang yang menerima barang itu memegang barang itu. Dengan aqad sahaja belum menjadi hibah, demikian menurut pendapat Shafi’i yang baru.”*

Jelas bahawa hibah merupakan pemberian semasa hidup kepada seseorang dan orang itu menerima dan mengambil barang yang diberikan itu tanpa ada bayaran dan kemudiannya memiliki dengan sempurna. Untuk mengukuhkan lagi syarat qabd di atas, seorang ulama' Shafi'i (Taqiyyuddin Abu Bakar al-Husayni) di dalam Kifayat al-Akhyar Juz. 1 m.s. 200 menyatakan bahawa;

*"Hibah itu tidak menjadi lazim (wajib) melainkan dengan diterimanya. Apabila sudah diterima oleh orang yang diberikan hibah itu, maka si pemberi tidak boleh menuntut kembali kepada hibahnya kecuali jika pemberi itu ayahnya sendiri".*

Seperkara lagi yang perlu diberikan perhatian ialah walaupun telah berlaku ijab dan qabul secara sah di dalam sesuatu hibah, pemilikan barang yang dihibah masih lagi belum boleh dimiliki oleh penerima hibah kecuali barang itu telah diserah atau diambil atau dipegang oleh penerima hibah. Hukum Syara' juga mensyaratkan bahawa pemegangan/pengambilan/pemilikan barang yang dihibah itu hendaklah dengan izin pemberi hibah. Al-Sharbini seterusnya menegaskan di dalam Mughni al-Muhtaj Juz. 2, m.s. 400;

*"Dan tidak memiliki akan benda yang dihibah itu melainkan dengan qabd dengan izin daripada yang memberinya atau wakilnya. Sekiranya berselisih keduanya antara pemberi dan penerima hibah pada keizinan pada penerima barang hibah, maka hendaklah diterima kata-kata pemberi hibah. Sekiranya telah diterima barang itu oleh penerima hibah dan berkata pemberi hibah "aku berqasad dengan barang itu sebagai sewaan ataupun sebagainya....tetapi diingkari oleh penerima hibah, maka hendaklah diterima kata-kata pemberi hibah".*

Penerimaan (qabd) juga boleh berlaku secara langsung atau tidak langsung. Secara langsung ialah dengan memiliki secara terus kerana penerima hibah ialah

seorang yang berkeahlian dalam menguruskan harta tersebut. Secara tidak langsung ialah menerusi kuasa pengganti di mana wali atau wakil boleh menerima hibah tersebut bagi pihak penerima seperti menerima bagi pihak orang cacat, kanak-kanak dan sebagainya.<sup>6</sup>

## **B. KONSEP WASIAT DALAM ISLAM**

### **5. DEFINISI WASIAT**

#### **5.1 Definisi Wasiat dari Segi Bahasa**

Dari sudut bahasa, perkataan wasiat berasal dari perkataan ‘wassa’ yang bermaksud menyambung/menyampaikan/memberikan hak pemilikan selepas kematian.<sup>7</sup> Maksudnya menghubungkan kebaikan yang diperolehi oleh seseorang daripada hartanya itu semasa hidupnya dengan kebaikan yang mengikutinya kemudian daripada harta yang sama setelah ia meninggal dunia iaitu pahala yang akan diperolehnya di hari akhirat dengan sebab wasiat yang dilakukan olehnya ke atas harta itu. (al-Bakri t.t.j.4: 199; al-Sharwani t.t.j.7: 3).<sup>8</sup>

#### **5.2 Definisi Wasiat dari Segi Istilah Syarak**

Manakala wasiat dari segi istilah pula ialah pemberian atau sumbangan oleh seseorang kepada orang atau pihak lain setelah dia meninggal dunia sama ada perkataan wasiat itu diucapkan atau tidak. Menurut mazhab Syafie, wasiat ialah pemberian suatu hak yang boleh dilaksanakan selepas berlakunya kematian pewasiat sama ada dengan menggunakan lafaz atau tidak. Manakala menurut Abdul Karim

---

<sup>6</sup> Ass Prof. Dr. Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan, Instrumen Hibah: Isu-Isu Dan Cabaran

<sup>7</sup> Dr Akmal Hidayah Binti Halim, Wasiat dan Hibah: Hukum dan Prosedur

<sup>8</sup> Yusof Ramli, Wasiat: Konsep dan Pemakaianya

Zaydan, wasiat ialah memberi milik kepada seseorang secara sukarela yang dilaksanakan selepas kematian pewasiat sama ada benda atau manfaat. Ada juga fuqaha' yang mentakrifkan wasiat sebagai suatu pemberian oleh seseorang kepada pihak yang lain sama ada benda, hutang atau manfaat untuk dimilik oleh penerima wasiat akan pemberian tersebut selepas kematian pewasiat.<sup>9</sup>

## 6. ASAS PENSYARIATAN WASIAT

Pensyariatan wasiat didasarkan kepada nas Al-Quran, As-Sunnah dan Ijmak. Pada permulaan Islam, berwasiat adalah wajib kepada ibu bapa dan kaum kerabat terdekat bagi mereka yang memiliki harta yang banyak berdasarkan kepada firman Allah S.W.T.:

*Mafhumnya: "Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan ugama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwah". (Surah al-Baqarah, Ayat 180)*

Kebanyakan para sahabat antaranya Sayidina Abu Bakar, 'Ali bin Abi Talib, Ibn 'Umar dan Imam Syafi'i berpendapat bahawa hukum wajib ini telah dimansuhkan dengan turunnya ayat al-mawarith (ayat 11, 12 dan 176, Surah al-Nisa'), iaitu ayat yang secara khusus menyentuh peruntukan bahagian-bahagian yang telah ditetapkan kepada waris-waris dalam pembahagian harta pusaka. Dengan turunnya ayat tersebut, amalan berwasiat menjadi suatu perbuatan yang digalakkan (disunatkan) kepada keluarga yang terdekat yang tidak mendapat harta pusaka dan yang bukan

---

<sup>9</sup> Mohd Zamro Muda, 2008 Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi di Malaysia

waris. Pensyariatan wasiat juga diambil daripada Surah An-Nisa', Ayat 11. Firman Allah S.W.T.:

*Mafhumnya: "...(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya". (Surah An-Nisa', Ayat 11)*

Allah mensyariatkan pembahagian pusaka selepas menjelaskan hutang dan wasiat. Ini menunjukkan bahawa wasiat adalah harus hukumnya.

Terdapat banyak hadis Rasulullah S.A.W. yang menjelaskan dalil pensyariatan wasiat, di antaranya adalah sabda Rasulullah S.A.W.:

*Maksudnya: "Tidak wajar bagi seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu untuk diwasiatkan, membiarkan dua malam berlalu tanpa menulis wasiatnya".  
(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)*

Sabda Rasulullah S.A.W. dalam hadis yang lain:

*Maksudnya: Sa'ad bin Abi Waqqas R.A. berkata: "Rasulullah S.A.W. datang mengunjungiku pada tahun haji Wada' sewaktu aku dalam keadaan yang sangat sakit, lalu aku bertanya: "Hai Rasulullah!, Sakitku ini adalah sangat serius. Bagaimana pendapat tuan. Aku ini orang berada tetapi tidak ada yang dapat mewarisi hartaku melainkan anak perempuanku seorang. Apakah sebaiknya aku wasiatkan 2/3 hartaku?" "Jangan", jawab Rasulullah. Separuh ya Rasulullah? Sambungku lagi. Jawab Rasulullah: "Jangan, sepertiga. Sebab sepertiga itu banyak dan besar, kerana jika kamu meninggalkan ahli waris dalam keadaan yang mencukupi adalah lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin yang meminta-minta kepada orang ramai". (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)*

Telah berlaku ijmak dalam kalangan para sahabat bahawa wasiat adalah diharuskan.<sup>10</sup>

## 7. HUKUM BERWASIAH

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa pada peringkat permulaan Islam hukum berwasiat adalah wajib (lihat ayat 180 Surah al-Baqarah), namun hukum berkenaan telah dinasakhkan oleh ayat al-mawarith (ayat 11, 12, dan 176 Surah al-Nisa'). Walau bagaimanapun, amalan wasiat masih lagi digalakkan dengan had maksimum 1/3 harta pusaka dan ditujukan kepada bukan waris. Mengikut pendapat mazhab sunni yang empat dan al-Zaidiyyah bahawa sesungguhnya wasiat itu tidak difardukan ke atas setiap orang yang mempunyai harta dan tidak juga difardukan untuk kedua ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak menjadi waris, akan tetapi hukumnya adalah bergantung kepada keadaan-keadaan tertentu, contohnya seperti berikut:

- Wajib – jika terdapat tanggungjawab syarie yang perlu dilaksanakan seperti zakat dan haji dan dia bimbang harta berkenaan habis jika tidak diwasiatkan. Begitu juga, jika berkaitan dengan hutang dan wadiah sekiranya pemilik sebenar tidak dikenali oleh orang lain.
- Sunat – jika berwasiat untuk kaum kerabat yang memerlukan sedangkan mereka tidak berhak mendapat harta pusaka. Begitu juga berwasiat kepada orang miskin dan untuk tujuan kebajikan pada jalan Allah.
- Harus – jika berwasiat kepada sahabat handai atau orang kaya yang mana mereka bukan dari golongan yang berilmu dan beramal soleh

---

<sup>10</sup> Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji(JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri, Manual Pengurusan Wasiat Islam

- Makruh – jika pewasiat seorang yang kurang berada dan mempunyai waris-waris yang ramai serta memerlukan harta.
- Haram – jika berwasiat kepada perkara yang haram.<sup>11</sup>

## 8. RUKUN DAN SYARAT BERWASIAT

Mengikut Mazhab Maliki, Syafi ‘e dan Hanbali wasiat mempunyai empat rukun iaitu pewasiat, penerima wasiat, harta yang diwasiatkan dan sighah. Bagi setiap empat rukun di atas mempunyai syarat-syarat tertentu seperti berikut:

- a. Pewasiat (al-musi): Iaitu orang yang membuat tawaran (ijab) untuk berwasiat semasa hidupnya. Pewasiat disyaratkan kepada syarat-syarat tertentu iaitu:
  - i. Pewasiat hendaklah pemilik harta secara milik sempurna pada masa kematian;
  - ii. Baligh. Bagi Mazhab Hanafi , Syafi ‘e dan Zahiri, mereka mensyaratkan baligh bagi seseorang pewasiat, manakala Mazhab Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa pewasiat hendaklah seorang yang mumaiyiz;
  - iii. Berakal (iaitu tidak gila). Menurut Mazhab Hanafi dan Syafi ‘e, gila yang berterusan bagi satu tempoh waktu yang panjang akan membatalkan wasiatnya jika dia mati dalam keadaan tersebut;
  - iv. Redha dan pilihan sendiri; serta
  - v. Cerdik (al-rusyd). Mazhab Syafi ‘e mensyaratkan pewasiat adalah seorang yang cerdik.

---

<sup>11</sup> Mohd Zamro Muda, 2008, Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi di Malaysia

b. Penerima Wasiat (al-muso lah): Iaitu orang yang menerima (qabul) wasiat yang dibuat oleh pewasiat. Penerima wasiat terbahagi kepada dua kategori sama ada individu atau institusi (i'tibari). Disyaratkan penerima wasiat hendaklah terdiri daripada syarat-syarat berikut:

- i. Penerima wasiat, institusi atau badan yang tertentu (seperti masjid) dan disyaratkan bukan untuk tujuan maksiat;
- ii. Penerima wasiat hendaklah wujud secara hakiki atau taqdiri;
- iii. Penerima hendaklah diketahui dengan jelas;
- iv. Penerima hendaklah seorang yang boleh menerima harta dan boleh memberi milik harta. Bagi kanak-kanak yang belum mumaiyiz, penerimaan hendaklah dibuat oleh wali malnya;
- v. Penerima wasiat bukan seorang pembunuhan. Bagaimanapun, Mazhab Syafi'i mengharuskan seorang pembunuhan menerima wasiat;
- vi. Penerima wasiat bukan kafir harbi; dan
- vii. Penerima wasiat bukan dari kalangan waris melainkan setelah mendapat persetujuan waris-waris yang lain.

c. Harta Yang Diwasiatkan (al-muso bih). Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- i. Harta yang hendak diwasiatkan itu hendaklah mal hakiki seperti harta alih dan harta tak alih dan mal hukmi iaitu manfaat;
- ii. Harta itu hendaklah harta mutaqawwim iaitu harta yang boleh dimanfaatkan di sisi syarak;
- iii. Harta itu boleh dijadikan hak pemilikan;

- iv. Harta itu wujud dalam pemilikan pewasiat pada masa wasiat itu dilakukan;
- v. Harta itu tidak terikat dengan hutang yang ditanggung oleh pewasiat pada masa kematianya; dan
- vi. Harta itu hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 harta pewasiat kecuali telah dipersetujui oleh ahli-ahli waris selepas kematianya.

d. Sighah Iaitu Ijab dan Qabul. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- i. Sighah wasiat hendaklah dengan lafaz yang sorih, kinayah ataupun isyarat;
- ii. Qabul hendaklah diterima oleh penerima wasiat individu tertentu, jika penerima institusi maka tidak disyaratkan qabul;
- iii. Qabul oleh penerima wasiat hendaklah dibuat selepas kematian pewasiat. Penerimaan atau penolakan yang dibuat pada masa hidup pewasiat tidak diambil kira; dan
- iv. Qabul oleh pewasiat tidak disyaratkan dengan segera.<sup>12</sup>

## 9. PENUTUP

Berdasarkan kepadauraian di atas dapatlah kita simpulkan bahawa wasiat dan hibah adalah dua bentuk instrumen yang penting dan digunakan dalam perancangan dan pengurusan harta Islam. Hukum dan rukun hibah dan wasiat yang telah dijelaskan di atas diharapkan dapat difahami oleh umat Islam dalam merancang pembahagian harta. konsep hibah boleh dianggap sebagai pelengkap kepada sistem pengagihan harta dalam Islam. Konsep hibah amat sesuai diamalkan oleh masyarakat terutama untuk mengagihkan harta kepada pihak-pihak yang tidak berkemampuan tanpa mengehadkan kepada kadar dan golongan tertentu. Manakala konsep wasiat

---

<sup>12</sup> Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji(JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri, Manual Pengurusan Wasiat Islam

diaplikasikan agar dapat memenuhi keperluan dan hasrat pemilik harta. Perlu ditekankan juga bahawa wasiat yang berkesan, selain dengan memenuhi rukun dan syaratnya, ialah yang dilakukan dengan melantik wasi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan wasiat tersebut.

Walau dalam keadaan apa sekalipun, perancangan kita sudah tentunya tertakluk kepada ketetapan Allah s.w.t. Sebagai manusia, kita tidak dapat menentukan siapakah di kalangan ahli waris kita itu lebih bermanfaat kepada kita kerana semua perkara yang akan berlaku di masa depan adalah di bawah ketentuan Allah s.w.t. Merancang sesuatu pengurusan harta itu adalah sangat digalakkan dalam Islam namun ada batas-batas hukum syarak yang perlu kita patuhi dalam memastikan bahawa kita tidak mencabuli hak-hak ahli waris yang telah dijamin di bawah undang-undang pewarisan harta Islam.<sup>13</sup>

## 10. BIBLIOGRAFI

1. Mohd Zamro Muda, Instrumen Hibah: Analisis Hukum Dan Aplikasi di Malaysia
2. Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 2011, Hibah dalam Undang-Undang Islam: Prinsip & Amalan
3. Ass Prof. Dr. Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan, Instrumen Hibah: Isu-Isu Dan Cabaran
4. Dr Akmal Hidayah Binti Halim, Wasiat dan Hibah: Hukum dan Prosedur
5. Yusof Ramli, Wasiat: Konsep dan Pemakaianya

---

<sup>13</sup> Dr Akmal Hidayah Binti Halim, Wasiat dan Hibah: Hukum dan Prosedur

6. Mohd Zamro Muda, 2008 Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi di Malaysia
7. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji(JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri, Manual Pengurusan Wasiat Islam